



SIARAN AKHBAR

KENYATAAN DASAR BDCB 1/2025

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) hari ini telah mengeluarkan kenyataan dasar BDCB kali pertama bagi tahun 2025.
2. Dalam Kenyataan Dasar 1/2025 tersebut, BDCB mengongsikan bahawa International Monetary Fund (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2025 akan menurun pada kadar 3.0% daripada 3.3% pada tahun 2024, sebelum berpulih secara sederhana pada kadar 3.1% bagi tahun 2026. Sementara itu, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam mencatatkan penurunan sebanyak 1.8% tahun-ke-tahun pada suku pertama 2025, disebabkan oleh penurunan dalam kedua-dua Sektor Minyak dan Gas serta Sektor Bukan Minyak dan Gas yang masing-masing merekodkan penguncupan sebanyak 1.5% dan 2.0%. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi bagi keseluruhan 2025 dijangka kekal sederhana, didorong oleh pemulihan pengeluaran minyak dan gas secara beransur-ansur, serta peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas, termasuk pembinaan, pelancongan, perdagangan dan teknologi maklumat. Ini juga didukung oleh pelaksanaan projek-projek pelaburan langsung asing (FDI) yang sedang berkembang, terutama dalam sektor-sektor petrokimia, makanan halal, dan pembuatan.
3. Selaras dengan tren disinflasi global, kadar inflasi Negara Brunei Darussalam mencatatkan purata -0.4% tahun-ke-tahun bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2025, berpunca daripada tren disinflasi global dan serantau, serta langkah-langkah dasar domestik seperti subsidi kerajaan, kawalan harga, dan kerangka dasar monetari domestik. Kesan inflasi yang diimport ke atas harga domestik adalah terkawal dengan terdapatnya kesamarataan nilai dolar Brunei dengan dolar Singapura. Mengambil kira faktor tersebut serta data Indeks Harga Pengguna terkini, BDCB telah menyemak semula unjuran inflasi Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2025 ke lingkungan -0.6% hingga 0.4%.
4. BDCB mengongsikan bahawa jumlah aset sektor kewangan domestik mencatat peningkatan sebanyak 1.3% pada suku kedua 2025, dengan nilai keseluruhan sebanyak BND24.6 bilion, di mana BND14.6 bilion merupakan aset sektor kewangan Islam manakala BND10.0 bilion adalah aset sektor konvensional. Institusi-institusi penerima deposit pula menyumbang sebanyak 91.5% daripada jumlah keseluruhan aset sektor kewangan dengan nilai aset berjumlah BND22.5 bilion. Sektor perbankan kekal kukuh pada suku kedua 2025 dengan agregat Nisbah Kecukupan Modal (Capital Adequacy Ratio) sebanyak 19.6%, meskipun terdapat penurunan sedikit terhadap pulangan keuntungan sektor tersebut.

5. Pada separuh pertama 2025, terdapat beberapa perkembangan dari segi pengawalseliaan. Dalam usaha untuk mengembangmajukan pasaran wang domestik, BDCB telah mengeluarkan notis untuk mengemas kini keperluan Minimum Cash Balance. Dalam membangunkan sektor kewangan Islam, BDCB bersama dengan pihak berkepentingan, mengambil langkah untuk memperkenalkan Islamic window bagi membolehkan bank-bank konvensional menawarkan produk-produk kewangan Islam. Dalam usaha untuk terus mengukuhkan kedayatahanan sektor perbankan, BDCB juga telah memperkenalkan keperluan bagi bank-bank untuk mengekalkan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio).
6. Dalam bidang pasaran modal, BDCB telah memperkenalkan modul baharu kepada peperiksaan perlesenan bagi pemegang dan pemohon *Representatives' Licence* bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka terhadap rangka kerja peraturan di bawah Securities Markets Order, 2013. Selain itu, dalam usaha menyokong penubuhan ekonomi digital, BDCB telah memberikan kebenaran bagi National Digital Payments Network Sdn Bhd (ndpx) untuk melancarkan sistem pembayaran digital '**tarus**'. BDCB juga telah mengeluarkan keperluan bagi institusi-institusi kewangan untuk menggunakan kod quick response (QR) yang seragam bagi semua pembayaran digital yang dilaksanakan melalui kod QR.
7. Kenyataan Dasar BDCB 1/2025 yang lengkap boleh didapati di laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn. Bagi maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi BDCB di talian 8318388, atau melalui emel di info@bdcb.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Date: 28 Safar 1447H / 22 Ogos 2025M

Ref: BDCB/COMMS/